



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Please scroll down to view the Bahasa Malaysia translation of this circular. In case of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia versions of the circular, the English version shall prevail.

Sila lihat di bawah untuk terjemahan pekeliling ini dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat butiran yang tidak konsisten antara versi pekeliling Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

**Circular No 117/2022
Dated 5 May 2022**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

Extraordinary General Meeting of the Malaysian Bar (27 May 2022)

Notice is hereby given that, pursuant to section 65(1) of the Legal Profession Act 1976 (“LPA”), the Bar Council will convene a **physical** Extraordinary General Meeting (“EGM”) of the Malaysian Bar, which will be held as follows:

Date: 27 May 2022 (Friday)
Time: 3:00 pm
Venue: Dewan San Choon, Level 2, Wisma MCA, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Agenda

- (1) To discuss matters, and if deemed fit, to pass one or more motions, relating to, *inter alia*:
 - (a) allegations of interference with and intimidation of the Judiciary, which risk the undermining of public confidence in, and the functioning of the Judiciary as an independent institution; and
 - (b) the consequences of the failure to adhere to the constitutional safeguards and mechanisms provided for under Article 125 of the Federal Constitution; and
- (2) Any other matters.

The motion(s) will be circulated to Members in due course.

We take this opportunity to remind Members that under section 65(5) of the LPA, if any Member of the Malaysian Bar desires to propose any motion to be considered at the EGM, the Member shall, “not less than seven days before the date of the meeting serve upon the Secretary of the Malaysian Bar notice of such motion in writing”. Please submit a **soft copy of the motion (in Microsoft Word format)** by email to motions@malaysianbar.org.my.



Legal Practice Post-COVID: Resilience & Transformation

INTERNATIONAL MALAYSIA LAW CONFERENCE 2022

17-19 August 2022 | imlc.com.my



In accordance with sections 65(4A) and 65(4B) of the LPA, the quorum shall be 500 Members of the Malaysian Bar, and the EGM shall be dissolved if a quorum is not present by 4:00 pm.

Please note that you will be required to produce your National Registration Identity Card (“NRIC”) or driver’s licence in order to register your attendance for the EGM.

Although most COVID-19-related standard operating procedures and restrictions have been removed or relaxed, we call on all Members and pupils who intend to attend the EGM to be mindful and exercise caution, for your well-being and that of others.

The Ministry of Health Malaysia has stipulated that from 1 May 2022, mask-wearing is still required for indoor settings. Consequently, Members and pupils are required to wear a mask at the EGM. The Bar Council will provide face masks, upon request by Members and pupils.

Under the Continuing Professional Development (“CPD”) Scheme, you will earn one CPD point for attending the EGM.

Members are urged to make every effort to attend the EGM so that the issues on the agenda may be effectively discussed by as many Members as possible.

We look forward to your attendance and participation at the EGM on 27 May 2022 (Friday).

Thank you.

Anand Raj
Secretary
Malaysian Bar

Notes

- (1) Members are kindly requested to make every effort to attend the meeting punctually to ensure a quorum of 500.
- (2) Registration counters will open from 1:30 pm. Light refreshments will be served.
- (3) All Members and pupils in chambers shall, upon registering their names, wear the designated wristbands for the purpose of admission.
- (4) Pupils in chambers may attend but shall not vote, and shall be seated only at the area(s) designated for them.
- (5) For information on preferential hotel corporate rates secured by the Bar Council, please refer to the current list, which is accessible [here](#) on the Malaysian Bar website.



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Sila lihat di bawah untuk terjemahan pekeliling ini dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat butiran yang tidak konsisten antara versi pekeliling Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

**Pekeliling Nombor 117/2022
Bertarikh 5 Mei 2022**

Kepada Ahli Badan Peguam Malaysia dan pelatih dalam kamar

Mesyuarat Agung Luar Biasa Badan Peguam Malaysia (27 Mei 2022)

Dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kepada seksyen 65(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 (“APUU”), Majlis Peguam akan memanggil suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa (“MALB”) Badan Peguam Malaysia **secara fizikal** yang akan diadakan seperti pada ketetapan yang berikut:

Tarikh: 27 Mei 2022 (Jumaat)
Masa: 3:00 petang
Tempat: Dewan San Choon, Tingkat 2, Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur

Agenda

- (1) Untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan, dan sekiranya disifatkan patut, untuk meluluskan satu atau lebih usul-usul berkenaan dengan, antara lain:
 - (a) tuduhan campur tangan dan ugutan terhadap Badan Kehakiman, yang boleh mengganggu-gugat keyakinan masyarakat umum dan fungsi Badan Kehakiman sebagai sebuah institusi yang bebas; dan
 - (b) akibat kegagalan untuk mematuhi perlindungan dan mekanisme perlembagaan yang telah diperuntukkan di bawah Artikel 125 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (2) Apa-apa perkara lain.

Usul-usul akan diedarkan kepada Ahli apabila tiba masanya.

Kami mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan Ahli mengenai peruntukan di bawah seksyen 65(5) APUU bahawa sekiranya mana-mana Ahli Badan Peguam Malaysia berhasrat untuk mencadangkan sesuatu usul untuk dipertimbangkan dalam MALB tersebut, Ahli tersebut hendaklah, “tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia”. Sila hantarkan satu salinan usul tersebut **dalam format Microsoft Word (soft copy)** melalui e-mel di motions@malaysianbar.org.my.



Legal Practice Post-COVID: Resilience & Transformation

INTERNATIONAL MALAYSIA LAW CONFERENCE 2022

17-19 August 2022 | imlc.com.my



Menurut seksyen 65(4A) dan 65(4B) APUU, kuorum mesyuarat ialah 500 orang Ahli Badan Peguam Malaysia, dan MALB hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum pada jam 4:00 petang.

Sila ambil perhatian bahawa anda dikehendaki mengemukakan Kad Pengenalan atau lesen memandu bagi tujuan pendaftaran kehadiran di MALB.

Walaupun kebanyakan prosedur operasi standard dan sekatan yang berkaitan dengan COVID-19 telah ditamatkan atau dilonggarkan, kami menyeru semua Ahli dan pelatih dalam kamar yang berhasrat untuk menghadiri MALB supaya berhati-hati dan mengambil langkah berjaga-jaga, demi kesejahteraan anda dan Ahli lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia menetapkan bahawa bermula 1 Mei 2022, pemakaian pelitup muka masih diwajibkan di dalam bangunan. Oleh itu, Ahli dan pelatih dalam kamar dikehendaki memakai pelitup muka di MALB. Majlis Peguam akan memberikan pelitup muka, sekiranya diminta oleh Ahli dan pelatih dalam kamar.

Di bawah Skim Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development*, "CPD"), anda akan mendapat satu mata CPD bagi kehadiran di MALB.

Ahli digesa untuk berusaha sedaya upaya menghadiri MALB agar isu-isu yang terdapat di dalam agenda boleh dibincangkan dengan berkesan oleh seberapa ramai Ahli yang mungkin.

Kami berharap anda akan hadir dan menyertai MALB pada 27 Mei 2022 (Jumaat).

Terima kasih.

Anand Raj
Setiausaha
Badan Peguam Malaysia

Perhatian

- (1) Ahli disarankan berusaha sedaya upaya untuk menghadiri mesyuarat tepat pada masa yang ditetapkan bagi memastikan kuorum 500 orang Ahli dapat dicapai.
- (2) Kaunter pendaftaran akan dibuka mulai jam 1:30 petang. Jamuan ringan akan disediakan.
- (3) Setelah mendaftarkan diri, semua Ahli dan pelatih dalam kamar dikehendaki memakai jalur pergelangan tangan yang disediakan, untuk dibenarkan masuk ke ruang mesyuarat.
- (4) Pelatih dalam kamar dibenarkan hadir tetapi tidak dibenarkan mengundi dan hanya dibenarkan duduk di tempat yang disediakan.
- (5) Untuk maklumat tentang kadar korporat untuk hotel yang diperoleh Majlis Peguam, sila rujuk senarai semasa di laman web Badan Peguam Malaysia yang boleh diakses di pautan [ini](#).